

BERITA » Nasional

Ahad, 2 September 2018 | 7:41pm



PRESIDEN Persatuan Pedagang ASEAN, Datuk Moehamad Izat Emir. - Foto Aziah Azmee

Sokong tindakan tegas jual kontrak, AP

Oleh Meor Riduwan Meor Ahmad
mriduwan@nstp.com.my



KUALA LUMPUR: Persatuan Pedagang ASEAN menyifatkan keputusan kerajaan untuk membatalkan serta-merta kontrak dan Permit Import (AP) dikesan dijual kepada pihak ketiga, sebagai tindakan penuh bertanggungjawab.

Presidennya, Datuk Moehamad Izat Emir, berkata sehubungan itu pihaknya menyokong penuh langkah itu demi memelihara kepentingan golongan Melayu dan Bumiputera.

“Saya rasa bukan saya sahaja, tapi semua orang Melayu dan Bumiputera sangat bersyukur kerana kerajaan mengambil inisiatif tidak akan melayani mana-mana pihak yang menggunakan nama Bumiputera atau Melayu (kontrak dan AP), tetapi sebenarnya untuk mereka yang ada kepentingan.

“(Mereka) yang dapat kontrak dan AP kereta, kemudian jual kepada pihak ketiga, adalah tindakan bodoh, kerja malas dan tidak bertanggungjawab.

“Bukan kerja orang berniaga tapi kerja orang nak cepat buat duit, akhirnya diri sendiri merana,” katanya kepada NSTP hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad bahawa kontrak dan AP yang dikesan dijual kepada pihak ketiga bagi meraih keuntungan ‘atas angin’ akan terbatal serta-merta.

Dalam pada itu, Moehamad Izat berkata, sebagai bekas Presiden Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu Malaysia (PERDASAMA MALAYSIA), beliau turut mengalu-alukan cadangan mewujudkan Akta Sabotaj Ekonomi bagi mengekang kegiatan memanipulasi AP dan kontrak seperti dinyatakan Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, semalam.

“Jika akta berkenaan diwujudkan, ia akan memelihara keselamatan orang Melayu pada masa depan dan lebih lagi, graduan universiti dan institusi pengajian tinggi tidak akan cari jalan senang untuk berjaya.

“Bila mereka keluar, betul-betul kena pilih antara makan gaji secara profesional atau menjalankan perniagaan secara profesional.

“Tidak kisah apa diniagakan, nasi lemak, kereta atau peralatan perabot, yang penting buat sendiri. Lebih-lebih lagi jadi kontraktor, kena pandai susun tenaga pekerja dan cari orang yang berkemahiran. Tidak tahu pergi belajar,” katanya.

Sementara itu, Presiden Teras Pengupayaan Melayu (TERAS), Mohd Azmi Abdul Hamid turut senada perlunya tindakan bersifat undang-undang diwujudkan bagi mengekang kegiatan berkenaan yang berlarutan sekian lama.

Beliau berkata kegiatan mengaut keuntungan atas angin atau perniagaan 'ali baba' bukan saja tindakan sabotaj ekonomi yang merugikan negara, bahkan komuniti Melayu dan Bumiputera.

"Perkara ini bukan saja boleh disekat melalui akta sahaja, tapi kita perlu memastikan ketelusan dalam urusan niaga dijadikan peraturan ketat.

"Sejak Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan dalam tempoh 1971 hingga 1990, banyak bantuan dan inisiatif disalurkan oleh kerajaan, tapi hampir semuanya tidak berjaya kerana berlaku ketirisan dan 'penyakit' seperti menggunakan laluan politik dan sebagainya.

"Sehingga akhirnya kita dapati pada 1990 kita gagal mencapai 30 penyertaan Bumiputera dalam kek ekonomi. Ini menunjukkan bukan saja masalah struktural, apabila banyak agensi diwujudkan tapi akhirnya wang disalurkan tidak berkesan.

"Keduanya, masalah budaya di peringkat peniaga apabila amanah dan disiplin juga rosak pada masa itu, akhirnya semua skim untuk bantu Bumiputera tidak berjaya," katanya.

Menurutnya, akta itu harus berfungsi menyekat segala ketirisan dan salah guna peruntukan kerajaan hingga menyebabkan dana disalurkan tidak sampai kepada golongan sasar.

"Dengan adanya akta itu, sampai masanya kita boleh meneliti dengan rapi dan ada pengawasan yang ketat terhadap apa saja tindakan yang boleh menjejaskan ekonomi negara dan Bumiputera," katanya.

AGENCY: Berita Harian (Online)

LINK: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/09/469083/sokong-tindakan-tegas-jual-kontrak-ap>